

10 SEP 1999

KONGRES-TAJUDIN

SOKONGAN KERAJAAN PERLU UNTUK BUMIPUTERA TEROKAI INDUSTRI STRATEGIK

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Peranan dan sokongan kerajaan serta agensi-agensi amanah tempatan adalah penting untuk memastikan kaum Bumiputera terjamin tempatnya dalam industri dan bidang strategik dalam alaf akan datang, kata Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Tan Sri Tajudin Ramli.

Sementara itu, DPMM berfungsi mengenalpasti bidang dan industri yang perlu diterokai dan dikuasai, katanya di Majlis Perasmian Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat di sini hari ini.

Beliau berkata adalah penting agensi-agensi amanah di Malaysia -- samada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tabung Haji, Tabung Angkatan Tentera, Permodalan Nasional dan sebagainya -- harus menyokong sepenuhnya pemimpin-pemimpin korporat Melayu/Bumiputera. Beliau menambah bahawa kerajaan hendaklah pastikan mereka memenuhi fungsi tersebut.

Beliau berkata di negara-negara maju terutamanya di Amerika dan Eropah, penyusunan struktur syarikat mengalami perubahan pesat, dan telah menjadi lebih besar, gagah dan tangkas.

Kebanyakan syarikat-syarikat yang dulunya dimiliki dan diuruskan oleh ahli keluarga, sekarang telah menjadi gergasi yang diurus oleh pemimpin-pemimpin korporat dengan sokongan dari keluarga pemegang-pemegang saham asal dan juga disokong oleh agensi-agensi amanah seperti dana persaraan dan dana-dana yang serupa, katanya.

Prinsip-prinsip yang serupa perlulah diamalkan di Malaysia, tambahnya.

Tajuddin melihat globalisasi dan perubahan struktur tersebut sebagai antara cabaran di masa akan datang.

"Kita sudah melayari arus perdana globalisasi dunia sejak dahulu kala lagi dengan pelayaran serta perdagangan merentasi pelabuhan-pelabuhan sepanjang Lautan Hindi dan Laut China Selatan," katanya.

"Namun, kepantasan globalisasi yang sedang dan kelak akan kita saksikan adalah lebih pantas dari globalisasi masa lampau. Ia secepat cahaya," katanya.

Tajudin berkata perubahan struktur syarikat-syarikat barat -- menerusi proses penggabungan dan pengambilalihan membolehkan syarikat gergasi Barat (dengan sumber mereka yang begitu besar dari segi kewangan, teknologi serta tenaga manusia) mengancam kita menerusi globalisasi yang pantas dan luas.

Beliau juga berkata bahawa dalam persekitaran alaf baru, beberapa industri akan berkembang dan banyak pula yang akan terhapus.

Perubahan di dalam komposisi ekonomi juga mempunyai kesan terhadap industri lain seperti industri pengangkutan yang terus menjadi industri strategik, tetapi rupa bentuknya berubah.

"Persoalannya adakah kita sebagai satu negara sudah bersedia menghadapi ancaman ini, dan adakah kita sebagai satu bangsa dan kaum (iaitu Melayu dan Bumiputera) sudah bersedia menghadapinya?"

Tajudin berkata alaf yang akan datang adalah alaf "K-ekonomi" atau ekonomi pengetahuan, iaitu perdaban ekonomi yang bertunjangkan ilmu dan pengetahuan.

"Dalam K-ekonomi, seseorang itu akan dikira miskin kerana ia kurang pengetahuan atau cetek pengetahuan," tambahnya.

Dalam K-ekonomi, pengetahuan dan kemahiran merupakan bahan yang paling asas dan penting, dan lantaran itu, sumber manusia adalah amat penting, katanya.

Masyarakat maju meletakkan teknologi tinggi, yang bertunjangkan ilmu

dan pengetahuan, sebagai faktor penting pengeluaran, katanya dan menambah daya otak menjadi lebih penting, dan tidak lagi daya otot.

Lantas beliau berkata adalah penting sekali pembelajaran sepanjang hayat ditekankan dan tidak terhenti sejurus sahaja keluar dari kolej atau universiti.

Menurut Tajudin, kekuatan dan kebolehan minda perlu sentiasa dilatih dan ini memerlukan jurulatih di semua peringkat dan setiap bidang, dan lantaran itu, setiap pemimpin -- di peringkat negara, negeri, daerah, organisasi dan keluarga -- harus berupaya membina serta menggerakkan minda pengikut.

Beliau berkata jurulatih yang paling berjaya dikalangan kita adalah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed. -- BERNAMA

MSL JR